

10/04/2014 - Majlis Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Bismillaahirrahmaanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis.

YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed,

Ketua Pesuruhjaya SPRM merangkap Pengerusi Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah;

Ahli-ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah;

YBhg. Dato Haji Zakaria Haji Jaffar, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM

Ketua- ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan; Ketua-ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC's);

YBhg. Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz,

Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah SPRM

Pegawai-pegawai Integriti Bertauliah

YBhg. Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri, Dato'-Dato' dan seterusnya Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita bertemu di dalam dewan ini sempena Majlis Penyampaian Sijil kepada Pegawai Integriti Bertauliah atau *Certified Integrity Officer* (CeIO). Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada SPRM kerana mengundang saya ke Majlis Konvokesyen CeIO buat kali kedua ini. (kali pertama pada tahun lepas : 2013)
2. Saya difahamkan buat masa kini seramai 82 graduan CeIO telah ditauliahkan dan pada hari ini seramai 75 graduan CeIO bakal menerima sijil pengiktirafan mereka masing-masing.
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan “Syabas dan Tahniah” kepada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia atau *Malaysia Anti-Corruption Academy* (MACA) kerana bukan sahaja bertindak sebagai **penganjur majlis pada hari ini tetapi juga buat pertama kalinya telah melaksanakan program CeIO Antarabangsa** yang melibatkan penyertaan dari dalam dan luar negara. Program ini bukan sahaja menggambarkan usaha dan komitmen Kerajaan dalam memantapkan nilai integriti dalam kalangan penjawat awam tetapi ia secara tidak langsung mengukuhkan platform kerjasama negara kita dengan negara-negara lain. *Current corruption challenges require strong collaboration of all countries through knowledge sharing, exchange of experiences and best practices. With this programme it does not only demonstrate our commitment but the unified efforts against cross-border corruption.*

KEPERIBADIAN INTEGRITI

4. Saya sentiasa mengingatkan kepada para penjawat awam dan diri saya sendiri, bahawa **nilai keperibadian integriti yang tinggi** merupakan asas atau tunjang utama kepada kelangsungan kejayaan dan kemakmuran sesebuah negara. Dalam memastikan perkhidmatan awam terus mendapat kepercayaan

dan menjadi harapan kepada rakyat, penjawat awam seharusnya terus kekal untuk memartabatkan nilai keperibadian integriti yang tinggi di dalam diri mereka. Kepercayaan dan nilai ini dapat direalisasikan dengan adanya tadbir urus yang bersih, cekap dan amanah yang secara tidak langsung mendukung budaya pentadbiran yang telus, adil lagi saksama.

5. Sebagai seorang pegawai integriti bertauliah (CeIO) anda secara tidak langsung mendukung budaya nilai integriti di dalam imej perkhidmatan awam. Imej ini bukan sahaja dapat ditampikan dengan adanya program atau pengiktirafan seumpama ini tetapi ia seharusnya lahir dan terbentuk daripada sifat jati diri dan keperibadian yang tinggi di dalam diri kita. Janganlah kita menjadi seperti “intan tersalah canai” di mana peribahasa ini membawa maksud biarpun berketurunan baik, tetapi kalau tidak berpelajaran atau membuat kelakuan yang buruk, nescaya jahat dan hina juga jadinya.

KONSEP KERJA SEBAGAI SUATU IBADAH

Hadirin yang dihormati sekalian,

*Medang sila buahnya cantik,
Jatuh menimpa ke pasu bunga;
Dengan sebab nila setitik,
Habis rosak susu sebelanga.*

6. Warisan budaya Melayu amat kaya dengan pantun nasihat yang menjadi panduan dan ingatan kepada masyarakat kita. Jika kita memahami kepada rangkap akhir pantun tadi “Sebab nila setitik, habis rosak susu sebelanga” yang mengingatkan kita bahawa pentingnya untuk menjaga amanah dan tanggungjawab tanpa menggadai maruah diri atau orang sekeliling kita. Harus diingatkan, tidak kira di mana kita ditempatkan, kita seharusnya berupaya untuk menyampaikan perkhidmatan dengan jujur, berdedikasi, ikhlas dan amanah selaras dengan **konsep kerja sebagai suatu ibadah**. Penghayatan terhadap konsep ini bukan sahaja membawa kepada kesedaran tanggungjawab di dalam sesuatu tugas atau pekerjaan kita tetapi ia secara tidak langsung

memberikan peningkatan dan keseimbangan diri dalam aspek jasmani dan rohani. Namun begitu, saya percaya Pegawai-pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di hadapan kita pada hari ini, telah disemai dengan ilmu dan prinsip agama dan nilai moral tinggi yang berupaya untuk menjadi pencetus dan pemangkin kepada kecemerlangan perkhidmatan awam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

UNIT INTEGRITI

7. Dalam memantapkan usaha-usaha penerapan dan peningkatan integriti agensi, kerajaan telah menguatkuasakan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 mengenai **Penubuhan Unit Integriti** di semua Agensi Awam pada 1 Ogos 2013. Penubuhan Unit Integriti ini lebih bertujuan untuk mencegah perlakuan jenayah dan salahlaku berbanding menghukum sepertimana pepatah melayu “*mencegah lebih baik dari mengubati*”.
8. Biar pun pekeliling ini tidak menjangkau sektor swasta dan Syarikat Berkepentingan Kerajaan atau *Government-Linked Companies (GLC)*, **penubuhan unit integriti masih relevan**, dan perlu diwujudkan di agensi-agensinya berkenaan. Ini adalah bagi memastikan segala urusan perniagaan yang dijalankan adalah mematuhi prinsip-prinsip amanah dan beretika dan seterusnya membudayakan nilai integriti dalam kalangan pekerja, pelanggan dan pihak berkepentingan yang lain. Oleh yang demikian, khidmat kepakaran Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di agensi masing-masing hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya bagi memastikan jenayah rasuah dan salahlaku dapat dibendung. **Sehubungan dengan itu, saya ingin menyarankan agar syarikat swasta dan GLCs dapat memberikan komitmen** dalam menghantar pegawai-pegawai yang telah dikenal pasti untuk menyertai program CeIO seumpama ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

USAHA PENCEGAHAN RASUAH: *CORPORATE LIABILITY*

9. Pelbagai usaha pencegahan rasuah sedang dipergiatkan oleh Kerajaan dalam memastikan negara ini bebas daripada gejala rasuah. Salah satu usaha adalah dengan menggubal undang-undang berkaitan ***Corporate Liability*** di negara ini sepertimana contoh dan amalan terbaik dari negara-negara lain. Sekiranya undang-undang ini diluluskan, sesebuah organisasi komersial (*Commercial Organisation*) boleh dikenakan tindakan sekiranya kakitangannya terbukti melakukan kesalahan rasuah demi kepentingan syarikat. Organisasi komersial berkenaan juga hendaklah mewujudkan peraturan atau *Standard Operating Procedure (SOP)* yang mencegah pegawai dan kakitangannya daripada terlibat dalam perlakuan rasuah. Hukuman yang setimpal juga akan dikenakan kepada pegawai atau kakitangan yang melakukan rasuah dan di pihak syarikat pula akan dikenakan denda. Dalam buku "A New Deal for Asia" oleh mantan perdana menteri kita Tun Dr. Mahathir Mohamad, ada menegaskan "*There is much talk of transparency today. Economies and business practices, it is argued, must be transparent and all information must be readily available to anybody. Total openness is the only way to avoid corruption and to ensure that flawed economic mechanisms are adjusted or disciplined before it is too late*".

Hadirin yang dihormati sekalian

PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)

10. Pihak kerajaan telah mengamanahkan tanggungjawab dan kepercayaan kepada anda semua sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO). Saya yakin dan percaya bahawa semua peserta di hadapan kita pada hari ini telah menyempurnakan program ini dengan cemerlang dan seterusnya berupaya

untuk menzhirkan segala fungsi telah digariskan. Namun begitu harus kita ingat dalam kita berjuang untuk merealisasikan hasrat ini, kita seharusnya sentiasa peka terhadap segala perubahan yang berlaku di sekeliling kita. Kita seharusnya **berupaya untuk mengadaptasi** dan melakukan perubahan sekiranya perlu bagi memberikan keupayaan diri kita dalam bertindak mengikut perbezaan situasi, pelanggan mahupun pihak berkepentingan di sekeliling kita. *There are many different kinds of people in the world and you can never assume that everyone will react to your strategies in the same way. As a Certified Integrity Officer, you need to adapt with all kinds of situation or circumstances without losing your focus, objective and determination.*

Hadirin yang dihormati sekalian.

11. Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) merupakan landasan yang terbaik dalam mencapai dan meningkatkan integriti individu dan organisasi secara khususnya. Secara amnya, peranan dan kehadiran pegawai –pegawai ini bukan sahaja akan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan pemantapan integriti di dalam negara kita tetapi jua memperlihatkan usaha dan kesungguhan Kerajaan dalam menjana dan mengerakkan pelbagai dasar dan program bagi memerangi rasuah. Sehubungan dengan itu, **saya ingin menyarankan kepada semua Ketua-ketua Jabatan** agar dapat memastikan pegawai-pegawai mereka yang telah mengikuti program CeIO ini dapat ditempatkan di Unit Integriti masing-masing supaya dapat memberi lebih penekanan dan fokus kepada usaha-usaha pemantapan integriti dengan berterusan dan bersepadu.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian.

12. Akhir sekali, syabas diucapkan kepada kesemua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dengan jayanya. Saya ingin berpesan kepada kesemua Pegawai-pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), bahawa **pengiktirafan ini adalah satu cabaran** kepada anda semua dalam memastikan tahap integriti di agensi anda berada di tahap yang tinggi. Kehadiran anda adalah menjadi harapan kepada rakyat, Kerajaan dan organisasi ke arah mencapai objektif umum Pelan Integriti Nasional (PIN) iaitu membentuk sebuah masyarakat yang

kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

12.

13. Adalah menjadi harapan saya agar program Pegawai Integriti Bertauliah atau *Certified Integrity Officer* (CeIO) ini dapat diadakan secara berterusan dan segala modul atau latihan bagi program ini hendaklah dikaji atau ditambah baik dari semasa ke semasa agar terus kekal relevan dengan peredaran masa kini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalaamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.